



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 81/2024

MALAYAN TIGRESS BAKAL MENGAUM DI STADIUM NASIONAL BUKIT JALIL

Buat julung kalinya, pusingan akhir Liga Wanita Nasional 2024 bakal diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil (SNBJ) pada 21 Disember 2024. Ini juga buat pertama kalinya skuad bola sepak wanita kebangsaan diberi peluang untuk bermain di padang tersebut.

Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh juga telah beri komitmen agar skuad bola sepak wanita kebangsaan dapat menjalani latihan di SNBJ sebagai langkah untuk menyamaratakan peluang dan akses kepada fasiliti terbaik negara, sama seperti yang diberikan kepada pasukan bola sepak lelaki kebangsaan, Harimau Malaya. Liga Wanita Nasional akan berlangsung di SNBJ setiap tahun mulai tahun ini. Skuad bola sepak wanita kebangsaan akan menjalani sesi latihan di padang yang sama sekiranya perlawanan diadakan di Bukit Jalil.

KBS berharap dengan memberi peluang dan ruang bagi skuad bola sepak wanita kebangsaan bermain di SNBJ dapat meningkatkan semangat juang pasukan Malaysia. KBS juga akan terus berusaha untuk mengurangkan jurang yang wujud antara pasukan wanita dan lelaki sebelum ini. Kita Semua Team MAS!

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

19 November 2024



YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan bersama Skuad Bola Sepak Wanita Kebangsaan.